

14/09/1998

BN Pulau Pinang sokong Dr M

GEORGETOWN, Ahad - Jawatankuasa Barisan Nasional (BN) negeri yakin dan memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam usaha menangani segala cabaran ekonomi dan politik yang melanda negara kini.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata sokongan kepada Perdana Menteri penting terutama ketika beliau dan rakannya dalam Kabinet giat melaksanakan pelbagai langkah memerangi cabaran terhadap ekonomi negara.

"Dr Mahathir adalah tokoh pemimpin yang mempunyai wawasan jauh, komitmen dan dedikasi yang memberi ilham dan keyakinan kepada rakyat Malaysia.

"Beliau juga berjaya memimpin negara ini ke tahap pencapaian ekonomi yang cemerlang walaupun diserang spekulasi mata wang," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu di sini, pagi ini.

Dr Koh berkata, Jawatankuasa BN negeri turut menyarankan supaya semua ahli BN bersatu padu dan berdiri teguh bersama-sama pucuk pimpinan negara.

"Dalam menghadapi kegawatan adalah amat penting untuk kita memusatkan segala perhatian dan usaha serta berganding bahu untuk memulihkan ekonomi.

"Kita hendaklah mengetepikan segala perbezaan pendapat dan tidak terpengaruh oleh mana-mana pihak yang cuba memecah-belahkan perpaduan di kalangan kita," katanya.

Berhubung pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pula, jawatankuasa berkenaan menyokong tindakan Dr Mahathir kerana percaya beliau mempunyai asas yang kukuh selepas membuat pertimbangan dan penyiasatan.

(END)